

TEKS UCAPAN
YBHG DATO' PROF. DR. MOHD ROSLAN SULAIMAN
SEMPENA MAJLIS MENANDATANGANI MOU DI ANTARA UNIVERSITI
PUTRA MALAYSIA (UPM) DENGAN
PERSATUAN PENGUSAHA KAYU-KAYAN DAN
PERABOT BUMIPUTRA MALAYSIA (PEKA)

21 FEBRUARI 2023
UPM



Segala puji bagi ALLAH SWT Pentadbir Seluruh Alam, Selawat dan Salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW, penghulu sekalian rasul dan pembawa rahmat sekalian alam dan syafaat buat seluruh umat.

TERIMA KASIH SAUDARA/SAUDARI PENGERUSI MAJLIS,

Yang Dihormati,

Tuan Haji Farosham bin Naizamohideen

Presiden

Persatuan Pengusaha Kayu-Kayan dan Perabot Bumiputra Malaysia
(PEKA)

Yang Berbahagia,

Prof. Dr. Hazandy Abdul Hamid

Dekan Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar

Yang Berusaha,

Prof. Dr. Jegatheswaran Ratnasingam

Ketua, Jabatan Industri Kayu dan Gentian

Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar

Ahli-ahli Pengurusan FHAS, tuan-tuan dan puan-puan serta sidang hadirin yang dihormati sekalian

Selamat datang ke Kampus Hijau Universiti Putra Malaysia.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Tuan-tuan dan puan-puan, sidang hadirin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

1. Setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayah-Nya jua, Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan Persatuan Pengusaha Kayu-Kayan dan Perabot Bumiputra Malaysia (PEKA) dapat dilaksanakan pada petang yang berbahagia ini.
2. Industri kayu dan produk Kayu di Malaysia adalah merupakan salah satu sektor sosio-ekonomi yang penting, dan menyediakan peluang pekerjaan kepada hampir 180,000 orang. Pada tahun 2022, eksport industri kayu dan produk kayu telah mencapai nilai sebanyak RM 22.1 billion, dan penjualan dalam pasaran tempatan yang bernilai RM 11 bilion. Di samping itu, industri perkayuan negara juga mempunyai potensi untuk mengurangkan kesan perubahan iklim global. Industri perkayuan juga dapat membantu dalam mencapai hasrat negara membangunkan ekonomi hijau.
3. Dalam menghasilkan modal insan yang berkualiti untuk industri perkayuan negara, program Bachelor Sains dan Teknologi Kayu dengan Kepujian (BSTKdK) merupakan program pengajian yang ditawarkan oleh Jabatan Industri Kayu dan Gentian (JIKG), Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia sejak tahun 2006. Dengan perkembangan pesat dalam industri perkayuan negara, permintaan untuk bilangan graduan mahir, terlatih dan profesional dalam industri perkayuan dijangkakan semakin bertambah. Melalui MoU ini dengan pihak Persatuan Pengusaha Kayu-Kayan dan Perabot Bumiputra Malaysia (PEKA) adalah diharapkan pelajar-pelajar dari program BSTKdK ini akan mendapat peluang yang lebih luas untuk menceburi industri perkayuan negara di samping meraih pengalaman dan ilmu keusahawanan dengan lebih mendalam.
4. Persatuan Pengusaha Kayu-Kayan dan Perabot Bumiputera (PEKA) merupakan salah satu persatuan industri perkayuan dalam negara, yang telah menjalin hubungan dengan Jabatan Industri Kayu dan Gentian sejak tahun 2017. Pelbagai aktiviti kerjasama, termasuk seminar, konsultansi, bengkel dan penerbitan buku telah pun dijalankan, dan sudah tiba masanya untuk menjalin hubungan yang lebih erat melalui MoU ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati,

5. Saya juga difahamkan bahawa sebuah buku yang bertajuk “**Panduan Keusahawanan dan Kerjaya dalam Industri Perkayuan**” adalah merupakan satu lagi hasil kerjasama antara JIKG dan PEKA, yang akan dilancarkan sempena majlis menandatangani MoU ini. Buku ini merupakan penerbitan pertama mengenai kerjaya dalam industri perkayuan yang pernah diterbitkan dalam negara, dan memberikan maklumat yang luas dan bernas mengenai peluang-peluang yang sedia ada untuk graduan program BSTKdK dalam industri perkayuan. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada sidang pengarang buku yang telah berjaya menghasilkan satu lagi penerbitan yang berguna untuk pelajar, industri, dan masyarakat umum. Semoga buku ini memberikan manfaat yang berguna sebagai medium perkongsian ilmu sejajar dengan konsep “Berilmu Berbakti” yang menjadi slogan UPM sebagai menara ilmu.
6. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih dan tahniah kepada pihak PEKA yang saling berkerjasama erat dengan JIKG dan juga UPM secara amnya untuk membantu dan meningkatkan mutu pelajar dan graduan kami, khususnya dalam bidang perkayuan dan keusahawanan. Semoga kerjasama ini akan membina sinergi bagi memacu kejayaan UPM sejajar dengan hasrat kami menerusi iltizam “Memahat Gemilang, Membangkas Kelangsungan al-Falah” iaitu kejayaan di dunia dan di akhirat.
7. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan yang sudi meluangkan masa untuk menyaksikan majlis menandatangani MoU UPM-PEKA dan pelancaran buku panduan yang telah diterbitkan ini.
8. Akhir kalam, saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Industri Kayu dan Gentian dan juga Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar secara amnya yang telah bekerja kuat untuk merealisasikan majlis MoU ini agar berjalan dengan lancar. Semoga segala usaha murni ini, Allah rahmati dan berkati serta dihitung sebagai amal kebaikan. Insya-Allah

9. Saya mengakhiri ucapan saya dengan lafaz mulia **Wabillahitaufik
Walhidayah Wassalamualaikum Waramatullahi Wabarakatuh.**

Sekian, terima kasih.